



KENYATAAN RASMI

JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK ISU-ISU BERKAITAN PEKERJAAN BERHUBUNG PENULARAN WABAK COVID-19

Berikutan pengumuman oleh YAB Perdana Menteri berkenaan Perintah Kawalan Pergerakan bermula 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1987 bagi penutupan semua premis awam dan swasta kecuali tempat pekerjaan yang terlibat dalam Perkhidmatan Perlu (*essential services*) seperti air, elektrik, tenaga, telekomunikasi, pos, pengangkutan, pengaliran, minyak, gas, bahan api, pelincir, penyiaran, kewangan, perbankan, kesihatan, farmasi, bomba, penjara, pelabuhan, lapangan terbang, keselamatan, pertahanan, pembersihan, peruncitan dan bekalan makanan. Maka dengan ini, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak memaklumkan langkah-langkah yang perlu diambil oleh majikan untuk menangani isu-isu yang berbangkit:-

1) Arahan Penutupan Premis Pekerjaan

Majikan **digalakkan** untuk membayar gaji pekerja dalam tempoh tersebut. Walau bagaimanapun, langkah-langkah lain yang boleh diambil oleh majikan adalah seperti berikut:-

- i. Majikan boleh membenarkan pekerja untuk menggunakan sepenuhnya kelayakan cuti tahunan semasa.
- ii. Pekerja boleh memohon cuti tahunan berbayar jika sekiranya masih berbaki. Sekiranya pekerja tiada baki cuti tahunan berbayar maka pekerja boleh memohon cuti tanpa gaji atau lain-lain cuti, jika ada, mengikut terma dan syarat perkhidmatan.
- iii. Sekiranya majikan mengarahkan pekerja untuk bekerja dari rumah, pekerja adalah layak dibayar gaji sepanjang tempoh tersebut.

2) Langkah-langkah ke arah kelangsungan operasi perniagaan (*survival*)

- i. Mana-mana majikan yang mempunyai polisi dalaman atau klausa berkenaan langkah-langkah untuk kelangsungan operasi perniagaan, majikan boleh mengambil tindakan sewajarnya sepertimana dalam polisi dan Tatacara Keharmonian Perusahaan (*Code of Conduct for Industrial Harmony - COC*).
- ii. Majikan boleh mengenakan pengurangan gaji / faedah / waktu bekerja **dengan syarat telah mendapat persetujuan pekerja atau kesatuan sekerja.**

Dalam menghadapi saat-saat sukar ini, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak menasihatkan pekerja dan majikan untuk sama-sama berganding bahu dalam memastikan keharmonian perusahaan dapat dikekalkan. Ini membolehkan majikan meneruskan kelangsungan operasi perniagaan dan dalam masa yang sama tidak menafikan hak dan kebajikan pekerja.

**JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK
(KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA)**

17 MAC 2020